

## REFORMASI PENDEKATAN POLITIK ISLAM ABDUL HADI DI MALAYSIA

***Latifah Abdul Majid<sup>1</sup> & Mohd Nasir Abdul Majid<sup>2</sup>***

*Fakulti Pengajian Islam, UKM<sup>1</sup>*

*Fakulti Syariah & Undang-undang, USIM<sup>2</sup>*

*umilm@ukm.edu.my<sup>1</sup>*

### ABSTRACT

Abdul Hadi Awang is a prominent Islamic movement leader who is involved directly in the political arena in Malaysia. However, due to political conflicts that arise currently have demanded him to craft an effective political strategy in order to ensure the Islamic movement remains relevant and realistic. Furthermore, to deal with the evolving current reality, different political approaches are deployed to suit the societal differences between then and now. Thus, the agenda of Islamic solutions was put forth to mould a new political atmosphere and reshape the future of the country. These rejuvenations are not only through logical sense but based on Quran and the Sunnah. This study used qualitative methods with document analysis design and observation, which subsequently analyzed using descriptive method. This article discusses the school of thought of Abdul Hadi in developing Malaysian society in the variety of cultures, races and religions. In addition, it demonstrates the uniqueness, profoundness and intelligence mind of a scholar in executing his role as a model in politics, religion, scholarship and administration. This study contributes in demonstrating the impact of Abdul Hadi school of thought on contemporary politics in line with the Islamic context.

Keywords: Malaysia, Islamic movement leader, PAS, Politic Islam, fiqh siyasi, strategies.

### ABSTRAK

Abdul Hadi Awang merupakan seorang tokoh gerakan Islam yang terlibat secara langsung dalam lapangan politik di Malaysia. Namun, terdapat konflik politik yang berlaku sekarang memaksanya melakar strategi politik dalam jalur politik yang berkesan untuk memastikan gerakan Islam sentiasa relevan dan realistik. Malah, bagi menangani perubahan realiti semasa, kaedah politik yang digunakan berbeza kerana perbezaan masyarakat antara dahulu dan sekarang. Oleh itu, agenda penyelesaian menurut Islam diambil bagi membentuk suasana politik baharu dan mencorak masa depan Negara. Pembaharuan ini bukanlah semata-mata berlandaskan kepada akal, tetapi juga kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen and observasi kemudian dianalisis menggunakan kaedah deskriptif. Justeru, artikel ini membincangkan bagaimana pemikiran Abdul Hadi dalam membangunkan masyarakat Malaysia yang mempunyai pelbagai budaya, kaum, bangsa dan agama. Disamping itu, ia menunjukkan keunikan, kehebatan dan ketajaman pemikiran seorang intelektual ketika memainkan peranan sebagai seorang tokoh politik, agama, sarjana dan pentadbir. Implikasi kajian, pemikiran fiqh siyasi Abdul Hadi memberi impak kepada politik kontemporari sejarah dengan konteks Islamik.

Kata kunci: Malaysia, tokoh Gerakan Islam, PAS, Politik Islam, fiqh siyasi, strategi.

### PENGENALAN

Malaysia telah dikenali dunia sebagai sebuah negara demokrasi. Gelaran demokrasi ini telah mengambarkan bahawa Malaysia mempunyai sistem politik yang terdiri daripada pelbagai parti

yang mempunyai asas dan matlamat perjuangan yang tersendiri. Antara parti politik yang terkenal ialah United Malays National Organisation (UMNO), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Malaysian Indian Congress (MIC), Malaysian Chinese Association (MCA) dan sebagainya.

Parti PAS meletakkan Islam bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai asas dan matlamat perjuangan. Parti ini ditubuhkan pada tahun 1951, ia kekal sehingga hari ini. Parti yang memperjuangkan Islam ini telah terkenal dan berjaya melahirkan ramai tokoh yang berwibawa dan berdaya maju sama ada dari segi politik, ekonomi ataupun sosial. Antara tokoh PAS yang terkenal ialah Dato Seri Tuan Guru Haji Hadi Awang, Dato Muhammad Asri, Dr Burhanuddin al-Helmi, Dato Haji Fadzil Mohd Noor dan ramai lagi.

Abdul Hadi dalam Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS (2019) menyebut PAS memperkenalkan konsep Islam Memimpin Perpaduan dengan menghayati perkataan yang menjadi istilah yang ditunjukkan oleh Islam seperti Tahalluf Syiasi dan Tacawun yang berpandukan kepada siyasah syarciyyah dalam perkara yang tetap dan menangani perkembangan yang berubah dengan beristiqamah dan tidak bercanggah dengan akidah dan tidak terpesong dengan daripada matlamat perjuangan PAS. Di samping membuat pembaharuan, perubahan dan islah mengikut realiti dan situasi.

'Awatif (2018) menyatakan Abdul Hadi merupakan Presiden PAS semenjak tahun 2002, turut dikenali sebagai tokoh gerakan Islam yang diiktiraf oleh dunia Islam dan dilantik oleh Dr. Yusof al-Qaradawi sebagai timbalannya dalam Kesatuan Ulama Dunia. Ketokohan beliau juga mendapat pengiktirafan sebagai antara muslim yang paling berpengaruh di dunia (Abdallah Schleifer et al. 2017) menerusi kategori Pendakwah dan Pembimbing Rohani (Preachers & Spritual Guides).

## **METODE**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah reka bentuk kajian analisis dokumen. Secara umumnya, pemikiran Abdul Hadi ini dinilai dan dianalisa melalui buku-buku, artikel-artikel dan syarahannya. Selain daripada itu, kajian ini juga merujuk kepada kajian-kajian lepas yang mengkaji tentang pemikiran, sumbangan, pengaruh dan idea Abdul Hadi dalam pelaksanaan fiqh syiasi di Malaysia. Antara buku yang digunakan adalah Riduan Mohamad Nor (2009) bertajuk Abdul Hadi Awang Murabbi, Ideologi dan Pemimpin. Manakala, dokumen yang digunakan adalah seperti berikut : Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid ( 2004) bertajuk Siyasah Syarciyyah Dalam Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam dalam Jurnal Syariah, 12:1 [2004] 89-100, Mohamad Zaidi Abdul Rahman (2015) Aplikasi Maqasid al-Syariah Dalam Pentadbiran Negara: Satu Tinjauan Sejarah Islam dalam Jurnal Fiqh, No. 12 (2015) 29-56. Mohd. Zaidi Abd. Rahman (2005) Analisis Perbandingan Metodologi Siyasah Syarciyyah Dengan Usul Al-Fiqh dalam Jurnal Syariah, 13:2 [2005] 147- 158, Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria (2015) berkaitan Pasca-Islamisme dalam PAS: Analisis Terhadap Kesan Tahalluf Syiasi , dan artikel yang ditulis oleh Muhamad Zaidi Abdul Rahman & Raja Hisyamudin Raja Sulung (2008) Pengaruh Perubahan Dalam Pembinaan Hukum Siyasah Syarciyyah dalam Jurnal Syariah Jil. 16, Bil 1 (2008) 17-31.

Di samping itu, kaedah pemerhatian juga dilakukan kerana ia merupakan pemerhatian secara langsung meneliti setiap pergerakan, tindakan, ucapan dan keputusan Abdul Hadi secara keseluruhan dalam konteks politik semasa.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kejayaan sesebuah gerakan Islam adalah kejayaan usaha dakwah itu sendiri. Dengan kata lain, pendekatan dan strategi selari dengan keadaan semasa dan yang paling penting ialah kemestian untuk mencapai matlamat dakwah. Oleh sebab itu, strategi dan pendekatan perlu realistik dan relevan, tidak semestinya mengambil keseluruhan pendekatan yang telah dan pernah dilakukan oleh ulama terdahulu.

Kaedah politik Islam berbeza digunakan kerana perbezaan masyarakat antara dahulu dan sekarang. Maka, pemimpin gerakan Islam boleh untuk membuat pendekatan baru yang mungkin tidak sama bentuknya dengan pendekatan terdahulu tetapi menjaga tujuan asas dakwah itu sendiri. Ia tidaklah semata-mata berlandaskan kepada akal, tetapi juga kepada nas dan sirah Rasulullah SAW. Antara pemikiran Abdul Hadi yang diutarakan seperti demokrasi Islam, Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS), Kerajaan Perpaduan dan tahluf siyasi bertaawun bersama UMNO.

### DEMOKRASI ISLAM

Demokrasi berasal daripada perkataan Greek iaitu demos (rakyat) dan kratos (kekuasaan). Gabungan daripada keduanya bermaksud kekuasaan rakyat (Badlihisham 2009). Penglibatan gerakan Islam dalam demokrasi ditandai selepas kejatuhan Khalifah Uthmaniah Turki 1924 apabila Ikhwanul Muslimun (1928) muncul dengan lebih demokratik berbanding jamaah-jamaah Islam yang terikat dengan acuan tariqat dan kebangsaan.

Di Malaysia, terdapat suatu pendekatan yang dilakukan oleh gerakan Islam parti PAS iaitu pendekatan demokrasi dengan melanjutkan usahanya membangunkan masyarakat dan negara. Pendekatan ini sejajar dengan keperluan masyarakat yang cintakan keamanan dan saling menghormatikan antara kaum yang berlainan agama dan budaya. Pendekatan ini diiktiraf oleh rakyat dan masyarakat antarabangsa. Pendirian tegas yang dibawakan oleh PAS sejajar dengan Islam adalah penentangan sebarang bentuk keganasan kepada orang tidak berdosa seperti penentangan keganasan tentera Amerika di Afghanistan dan Iraq.

Menurut Abdul Hadi dalam Ucapan Dasar Muktarar Tahunan PAS (2003) penentangan kepada keganasan oleh parti PAS menjadikan ia terhindar daripada sebarang bentuk aktiviti keganasan atau tidak demokratik. Sumbangan PAS dalam bentuk penentangan ini memberikan keamanan dan kestabilan negara. Namun, terdapat percubaan mengaitkan dengan keganasan dan aktiviti luar demokrasi seperti tragedi 13 Mei 1969. Tragedi ini berpunca daripada politik perkauman sempit yang dimainkan oleh parti-parti politik perkauman termasuk kerajaan yang memerintah pada ketika itu.

Salah satu bentuk demokrasi adalah rakyat menuntut kedaulatan tetapi terjadi pelanggaran undang-undang dan perlembagaan serta pencabulan amalan demokrasi sejak merdeka oleh pemerintah adalah padah yang ditanggung oleh rakyat. Pemerintah menyalah gunakan kekuasaan yang sepatutnya digunakan dan dilaksanakan untuk keamanan dan kesejahteraan rakyat tetapi disalahgunakan dengan menekan rakyat yang memberi pemerintah mandat kerana suara rakyat yang diperlukan untuk mendapat mandat. Dengan ini, konteks keadilan untuk semua tanpa diskriminasi perlu dilaksanakan untuk mendapat demokrasi kedaulatan rakyat. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hadid ayat 25 menyatakan aspek keadilan yang menjadi tujuan utama syariat Allah SWT:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا إِلَيْنَا بِالْبَيِّنِاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمُبِينَ لِيُقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِنَّا عَلَمْ أَنَّ اللَّهَ مَنْ يَتَصْرُّهُ وَرَسُولُهُ بِالْغَيْثِ إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ

*Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka Al Kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan. Dan Kami ciptakan besi yang padanya terdapat kekuatan yang hebat dan berbagai manfaat bagi manusia, (supaya mereka mempergunakan besi itu) dan supaya Allah mengetahui siapa yang menolong (agama)Nya dan rasul-rasul-Nya padahal Allah tidak dilihatnya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa.*

Muktamar Pas pada tahun 2006 bertemakan “pulihkan demokrasi, daulatkan Islam”. Tema ini mengalakkan usaha-usaha pendemokrasi bagi melebarkan sokongan terhadap pengislahan dan pembebasan rakyat serta meletakkan kedudukan Islam pada tempat sewajarnya. Di samping itu, untuk memaknai demokrasi adalah antara demokrasi dan pilihan raya merupakan dua perkara yang tidak boleh dipisahkan kerana pilihan raya dianggap sebagai kayu ukur kepada pelaksanaan demokrasi dalam sesebuah Negara (Mohd Izani 2017).

## BUDAYA POLITIK MATANG DAN SEJAHTERA (BPMS)

Sesebuah negara menjadi alat yang efektif untuk menegakkan keadilan dan kebenaran. Dengan kata lain tujuan berdirinya suatu negara Islam adalah dengan melaksanakan sistem sosial yang baik, menegakkan keadilan, mencegah segala bentuk kemungkar atau penyimpangan terhadap norma agama dan kehidupan serta sentiasa menganjurkan kepada umat manusia untuk melaksanakan kebijakan sebagai rasionalisasi dari perintah Allah SWT. Sebagai contoh dapat dilihat pada zaman kepimpinan khulafa Al-Rasyidin apabila sesuatu keputusan yang penting ingin dilakukan, mereka tidak sewenang-wenangnya membuat keputusan dengan bertuhankan hawa nafsu dan kepentingan peribadi. Malah mereka lebih mengutamakan proses perbincangan dalam majlis syura agar keputusan yang diputuskan adalah keputusan yang terbaik dan dipersetujui ramai. Perbincangan ini melambangkan konsep matang dalam bermusyawwarah sesama ahli pemimpin bagi menjaga kemaslahatan rakyat (Abdul Hadi 2016). Oleh itu, konsep pelaksanaan ini dapat dilihat dengan konsep yang telah dibawa oleh Abdul Hadi.

‘Awatif (2018) menyatakan PAS sebagai parti Islam membawa pendekatan politik Islam dalam konteks budaya berpolitik negara dalam konsep BPMS. Ia adalah sebuah budaya politik yang mengutamakan kematangan semua pihak dalam membuat keputusan dan tindakan yang seterusnya membawa kepada kesejahteraan kehidupan seluruh masyarakat di Malaysia. BPMS mempunyai dua komponen utama iaitu Matang dan Sejahtera.

Marziana (2018) menjelaskan bahawa komponen pertama iaitu ‘Matang’ merujuk kepada proses yang berlandaskan pemikiran yang matang berpandukan kepada data dan hujah bagi kesemua pihak, khasnya parti-parti politik dan rakyat membuat penilaian, menentukan sikap dan tindakan terhadap sesuatu isu yang timbul di Malaysia. Komponen kedua ‘Sejahtera’ merujuk kepada natijah atau matlamat kepada semua tindakan politik oleh mana-mana pihak iaitu semuanya mestilah ke arah membawa kesejahteraan kepada kehidupan bermasyarakat di negara ini. BPMS menjadi sebuah gagasan baru yang diketengahkan ke dalam masyarakat agar semua pihak menghayati politik yang tidak berpaksikan pengeseran, tetapi berpaksikan perlumbaan membawa kesejahteraan kepada rakyat dan negara.

BPMS adalah sebuah penyusunan semula pelbagai gagasan besar yang telah dikemukakan oleh pimpinan-pimpinan PAS sejak awal penubuhannya lagi (‘Awatif 2018). Abdul Hadi (2016) menyebut bahawa prinsip, sikap dan tindakan yang diambil mereka di sepanjang sejarah,

melakarkan pelbagai pendekatan politik dengan rencamnya masing-masing. Walaupun pendekatan tersebut pelbagai, kesemuanya adalah berlandaskan ajaran al-Quran dan al-Sunnah serta asas-asas syarak yang lain yang diguna pakai mengikut kesesuaian dengan suasana persekitaran mereka. Almarhum Tuan Guru Dato Fadzil Noor dan Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat telah menambahkan lagi warna-warni dalam pendekatan politik PAS. Pelbagai gagasan dan contoh teladan telah dianjurkan di sepanjang perjuangan mereka yang istiqamah dengan PAS hingga ke akhir hayat.

Abdul Hadi sebagai presiden PAS sekarang meningkatkan dan memperkasakan lagi keserlahan peranan PAS dalam membawa pelbagai gagasan sebagai penyelesaian kepada kemelut sosial, ekonomi dan politik rakyat di negara ini. Semuanya berpandukan kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Tambahan pula, dengan pelbagai cabaran yang dihadapi terutamanya media sosial menjadi salah satu cabaran bagi pimpinan PAS membentuk satu inisiatif penyelesaian politik negara dengan memastikan penyelesaian yang dilakukan tidak melangkaui batas syara'. Bentuk penyelesaian mestilah dengan keilmuan yang tinggi, pengalaman yang luas, kecekalan yang jitu serta hubungan kerohanian yang mantap, sesuatu permasalahan dapat ditangani mudah (Muktar 2019).

Lajnah Pemerksaan PAS Pusat di bawah teraju Timbalan Presiden PAS, Dato Tuan Ibrahim Tuan Man telah mengambil inisiatif untuk menyusun kesemua perkara tersebut dalam bentuk sebuah BPMS ('Awatif 2018). Sekaligus ia menjadi gagasan besar PAS bukan hanya untuk organisasi PAS, tetapi untuk keseluruhan rakyat di negara Malaysia bahkan ke seluruh masyarakat dunia.

Pendekatan BPMS ditunjukkan oleh firman Allah SWT dalam Surah Fussilat ayat 33-36 yang bermaksud:

*"Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah (Islam), serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!" (33) Dan tidaklah sama perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara membalaunya melakukan yang paling baik. Apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib. (34) Dan sifat yang terpuji ini tidak dapat diterima dan diamalkan melainkan oleh orang-orang yang bersikap sabar, dan tidak juga dapat diterima dan diamalkan melainkan oleh orang yang mempunyai bahagian yang besar dari kebahagiaan dunia dan akhirat. (35) Dan jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari syaitan, maka hendaklah engkau meminta perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui. (36)".*

Ketika diwawancara Akhbar Mingguan Malaysia pada 18 Februari 2018, Abdul Hadi mengatakan bahawa BPMS adalah pendekatan yang mewujudkan suasana demokrasi yang sebenar dan tidak bercelaru. Pendekatan yang ditajidkan dan diperbaharui menjadi lebih tersusun dan menyeluruh bermula tahun 2015, khususnya mendepani situasi politik negara dan krisis antarabangsa pada masa sekarang.

Abdul Hadi juga menjelaskan melalui politik matang, PAS menerapkan kepada ahli tentang konsep tacawun iaitu boleh bekerjasama dengan sesiapa sahaja atas dasar kebaikan dan kebajikan bukan kejahanan dan keburukan. Kerjasama tersebut bukan bermaksud bergabung. Konsep kerjasama atas dasar kebaikan dengan syarat menghormati Islam sebagai agama persekutuan dan hak-hak masyarakat majmuk lain dan ahli PAS memahami dan menerima pendekatan ini.

## KERAJAAN PERPADUAN

Idea kerajaan perpaduan ini dilontarkan oleh Abdul Hadi pada 31 Mac 2008 di Stadium Melawati, Shah Alam. Cadangan kerajaan perpaduan supaya UMNO dan parti-parti dalam komponen Barisan Nasional (BN) untuk bersama-sama bergabung dengan parti Pakatan Rakyat untuk membentuk kerajaan. Tujuannya adalah menyelamatkan Negara daripada ketidakstabilan politik dan ekonomi (Riduan 2009). Menurut Hazmi (2019) konsep ukhuwah menjadi tunjang kepada teras politik dan sistem kerajaan yang diajarkan dan diamalkan oleh Rasulullah SAW ketika di Madinah. Manifestasinya menjadikan segala bentuk hubungan antara sesama Muslim dan juga bukan Muslim hidup dalam keadaan harmoni dan aman. Kerajaan Madinah yang dibentuk merupakan antara negara yang isi masyarakatnya terdiri dari pelbagai agama dan kaum. Hal ini merupakan contoh suasana perpaduan yang berjaya diwujudkan oleh Rasulullah SAW dalam menyatukan seluruh warga Madinah selama tempoh 10 tahun. Madinah menjadi contoh negara yang terbaik untuk diikuti oleh kerajaan-kerajaan selepasnya.

Namun perkara yang menjadi tumpuan Abdul Hadi dalam mengaplikasikan dasar ini adalah pembentukan kerajaan perpaduan (Suhana et.al 2012; Sakira 2018). Kerajaan Perpaduan ialah suatu kerajaan yang melibatkan semua parti politik dan tidak ada pembangkang langsung dimana semua parti duduk dalam satu kerajaan (Abdul Hadi 2018a), sebagai contoh Kerajaan Perpaduan ini juga ada dipraktikkan di negara lain. Abdul Hadi menjelaskan contoh Kerajaan Perpaduan di Indonesia bila berlaku pemisahan kuasa dengan SPR atau Pemilu di Indonesia dengan badan politik. Pemisahan kuasa dengan badan kehakiman sehingga badan kehakiman di Indonesia boleh mendakwa Perdana Menteri dan menteri-menteri ke Mahkamah jika melakukan kesalahan. Namun Abdul Hadi menegaskan konsep Kerajaan Perpaduan mestilah diubah yang sesuai dengan permasalah yang berlaku di Malaysia.

Muhamad Nadzri dan Noor Nidzam (2018) berpendapat keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 pada tahun 2018, menyaksikan perubahan besar lanskap politik negara apabila Barisan Nasional (BN) yang menerajui negara sebelumnya digantikan oleh Pakatan Harapan (PH) memerintah Kerajaan Persekutuan dan Tun Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri baru. Menurut Abdul Hadi (2018) dalam ucapan dasar muktamar PAS menyatakan kemenangan PAS di dua buah negeri iaitu Kelantan dan Terengganu menjadi tapak untuk memperkuuhkan lagi wawasan politik PAS sebagai sebuah parti Islam yang bercita-cita menjadikan Islam sebagai asas bernegara.

## TAHALUF SIYASI DAN TAAWUN

Tahaluf siyasi membawa makna kerjasama harakah Islam dengan mana-mana pergerakan lain yang tidak bermatlamatkan Islam di dalam perjuangannya (Ahmad Fadhli 2008). Kerjasama ini boleh terjadi di dalam apa jua bidang yang dipersetujui bersama untuk sama-sama menghadapi musuh yang sama. Tahaluf siyasi juga kemungkinan boleh berlaku dengan gerakan yang pernah atau berpotensi untuk menentang ideologi harakah Islam. Dalam suasana hari ini, tahaluf siyasi yang dimaksudkan juga termasuk kerjasama dengan golongan bukan Islam untuk menghadapi musuh yang sama (Mohamad Ali 2017). Manakala, tacawun juga satu bentuk kerjasama yang boleh memberikan kebaikan dalam memperjuangkan Islam samaada dari segi politik dan dakwah. Pelaksanaannya tolong menolong dalam kebaikan dan menolak kemungkaran seperti dalam al-Quran surah al-Maidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِلَمِ وَالْغُنَوْنَ وَأَنْقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

*Maksudnya: Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.*

Menurut ‘Awatif (2018) peristiwa yang menggunakan konsep tahaluf siyasi adalah seperti perjanjian Rasulullah SAW bersama Abu Talib, kisah perlindungan orang kafir kepada sahabat Nabi SAW, Perjanjian Half al-Fudul, Perjanjian Mutayyibin, Perjanjian Rasulullah SAW dengan Mutcim bin cAdi dan cAbdullah Bin cUraiqt, Perjanjian cAqabah, Perjanjian Rasulullah SAW bersama Bani Khuzacah. Tahaluf siyasi juga telah berlaku antara kerajaan Madinah dan beberapa puak serta kabilah yang lain seperti Muhajirin dan Ansar, bangsa Quraish dan puak Yahudi. Piagam Madinah telah menentukan kedudukan Nabi Muhammad SAW dan penduduk Madinah yang terdiri daripada masyarakat Islam, Yahudi dan Musyrikin. Ia membawa kepada pembentukan sebuah kerajaan serta menggariskan hak, tanggungjawab dan peraturan antara penduduk berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Melalui Piagam Madinah yang dibina melalui pendekatan ukhuwah Islamiyah dan tahaluf al-siyasi, perpaduan dan keamanan dapat dikekalkan meskipun terdapat segelintir pihak (Yahudi) yang cuba mengingkarinya. Pembentukannya berjaya menentukan hak-hak Muslim dan penduduk tempatan di samping mewujudkan persefahaman dengan bukan Muslim terutamanya Yahudi.

Dalam pelaksanaanya, syarat tahaluf siyasi iaitu hukum Islam mestilah lebih dominan, dakwah Islam harus melepassi fasa membina dan sekarang menuju fasa kemajuan. Selain itu, anggota yang terlibat dalam tahaluf mestilah pemimpin-pemimpin yang mempunyai kedudukan yang sama tinggi dengan barisan pemimpin dakwah. Tahaluf itu benar-benar diperlukan dalam situasi untuk menguatkan barisan pendakwah bukannya lambang semata-mata. Dan pihak yang menerima tahaluf adalah boleh dipercayai dan berani untuk mengambil kira kadar negatif yang mungkin berlaku ketika tahaluf (Anon 2016).

Tahaluf siyasi atau perjanjian persefahaman politik adalah satu aspek penting di dalam ilmu Siyasah Syariyah (ilmu politik Islam) dan suatu perbahasan berkaitan kerjasama di antara Islam dan saingannya (Anon 2012). Dalam konteks politik negara Malaysia pada masa sekarang, ia merujuk kepada kerjasama di antara parti politik Islam, PAS dengan musuh politiknya yang tidak bersendikan Islam di dalam dasar dan matlamat perjuangan mereka. Namun kerjasama sesama parti-parti Islam atau jamaah-jamaah Islam tidak termasuk di dalam perbahasan berkaitan tahaluf siyasi.

Hukum kerjasama sesama umat Islam atau jamaah Islam di dalam mencapai matlamat agama adalah wajib dan mestilah diusahakan sepanjang masa walaupun pada masa dan keadaan tertentu ianya dilihat sukar. Kesatuan umat Islam adalah wajib hukumnya malah Islam datang demi menyatukan umat manusia yang beriman kepada Allah SWT agar dapat menjalani kehidupan berlandaskan syariat agama (Abdul Hadi 2019).

Namun berbeza daripada hukum kerjasama di antara Islam dengan musuh dan saingan politiknya yang tidak berteraskan Islam dimana masing-masing mempunyai matlamat tertentu. Walaupun asas pertentangan itu wujud secara jelas, Islam kekal dengan matlamat keamanan dan kesejahteraan manusia. Dengan keamanan yang terhasil melalui kesatuan manusialah, Islam akan lebih berperanan mensejahterakan kehidupan melalui perlaksanaan syariatnya. Justeru Islam terus mengintai peluang-peluang yang terhidang bagi memastikan ruang keamanan sentiasa didahulukan (Imran 2019).

Oleh kerana tahap permusuhan terhadap Islam adalah berbeza-beza di antara kumpulan-kumpulan yang memusuhi, juga faktor keadaan dan masa yang boleh mengubah rentak dan hubungan, serta kemungkinan wujudnya pertimbangan-pertimbangan tertentu yang dilihat menguntungkan kedua-dua pihak di dalam menghadapi isu-isu bersama tanpa melanggar prinsip

dan sempadan agama, maka hukum kerjasama di antara Islam dan saingannya tersebut boleh berubah daripada tidak harus kepada harus dengan merujuk kepada pertimbangan maslahat dan kebaikan untuk agama dan rakyat. Justeru, Abdul Hadi (2015) berpendapat bahawa asas keharusan bekerjasama dengan semua pihak termasuk dengan mereka yang mempunyai ideologi dan matlamat yang berbeza dengan Islam ialah bergandingan ke arah kebajikan, kebaikan dan keadilan serta memerangi segala bentuk kejahanatan, kerosakan dan kezaliman. Islam menerima secara terbuka segala kebaikan walaupun ianya dianjurkan oleh pihak musuh dan menguntungkan mereka. Begitulah besarnya jiwa pemimpin ini demi memastikan keamanan dan kesejahteraan hidup untuk manusia seluruhnya.

Menurut Nik Mohamad Abduh (2017) ilmu tahaluf siyasi di dalam syariat Islam menjadi satu ilmu dan perbahasan yang sentiasa hangat dan kritikal. Menemukan dan menyatukan dua atau lebih kumpulan yang bertentangan (Islam dan seterunya) bukanlah satu hal yang mudah. Para sarjana Islam terus berusaha meletakkan garis panduan yang paling tepat agar perlaksanaannya nanti menjadi lebih praktikal dan membawa kebaikan kepada kehidupan manusia. Sebarang kesilapan dan kecacatan mungkin boleh mencipta kembali perseteruan yang lebih tajam. Pertimbangan-pertimbangan yang memberi faedah dan keuntungan bersama kepada pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian persefahaman politik tersebut mestilah diperhalusi serta butiran perjanjian hendaklah jelas dan dipatuhi oleh semua. Penyelesaian terhadap sesuatu konflik yang berlaku hendaklah melalui kaedah permesyuaratan yang adil dan diterima. Tegasnya, ilmu tahaluf siyasi begitu berkembang selaras dengan perkembangan politik dunia yang begitu cepat dan dinamik pada hari ini.

PAS telah lama melaksanakan tahaluf siyasi dengan parti-parti pembangkang di dalam negara. Bahkan PAS pernah menyertai kerajaan campuran (musyarakah hukumiyah) bersama parti pemerintah BN demi mencapai matlamat keamanan dan kesejahteraan untuk agama dan rakyat. Hal ini adalah berlandaskan panduan hukum agama di dalam ilmu siyasah Syarciyah. Hasilnya adalah jelas dengan impak yang amat positif dan berguna untuk negara. Rakyat memperolehi kemajuan, kesejahteraan dan kekuatan melalui kesatuan dan kesepakatan hidup. Melalui Kerajaan Campuran BN-PAS, krisis perkauman dan diskriminasi pembangunan negara berjaya direddakan dan rakyat menikmati kembali keharmonian dan kemajuan secara lebih saksama.

Begitu juga, menurut Nik Mohamad Abduh (2017) tahaluf siyasi di antara parti-parti pembangkang bagi memerangi kezaliman parti pemerintah BN. PAS di bawah pim[inan Abdul Hadi telah begitu berperanan membantu memenangkan parti-parti pembangkang di dalam pilihanraya selain mengukuhkan barisan pembangkang sebagai pendesak yang sedikit sebanyak berjaya memaksa pihak kerajaan untuk memulihkan demokrasi dan urus tadbir kerajaan daripada penipuan, rasuah, pemborosan dan pelbagai lagi gejala buruk dalam negara dan kehidupan rakyat. Hasil tindakan dan usaha PAS yang begitu terbuka mengadakan kerjasama dengan rakan dan saingan politiknya, lanskap politik negara begitu berubah dan menuju kemajuan. Minda rakyat berjaya digerakkan untuk lebih prihatin dan bertanggung jawab bagi memastikan politik dan pemerintahan yang lebih adil dan telus ('Awatif 2018). Rakyat semakin sedar dengan kesilapan dan kecacatan dulu dan telah bersedia untuk mendukung perubahan.

Abdul Hadi (2018b) menjelaskan bahawa semua perkara ini adalah hasil daripada kesepakatan dan kesetiaan untuk saling melaksanakan agenda bersama yang disepakati. Walaupun berbeza, perbezaan itu diraikan melalui kesepakatan untuk saling meraikan perbezaan. Dengan kata lain

bermaksud mengerah segala tenaga untuk mendukung agenda bersama yang disepakati, manakala agenda masing-masing yang tidak disepakati hendaklah dibiarkan menjadi perjuangan masing-masing yang diusahakan secara bersendirian dan tidak boleh menjadi penghalang yang akan membantu kebersamaan di dalam memperjuangkan agenda yang disepakati. Itulah maksud 'bersetuju untuk tidak bersetuju.' dan bukan sekadar kata yang mudah namun lafaz setia yang menagih usaha dan kota janji.

PAS memastikan tahaluf siyasi dua perkara ini berjalan serentak. Pertama, mestilah setia pada janjinya terhadap rakan-rakan tahaluf. Bahkan PAS mestilah menjadi seperti askar yang mempertahankan kesetiaan bersama kerana hal tersebut penting bagi memastikan matlamat mencapai keuntungan dan manfaat bersama tercapai. Kedua, PAS mestilah memastikan tidak dikhianati oleh rakan-rakan tahaluf. Perkara ini juga sangat penting agar setiap pihak tidak rugi. Dimana berpakt dengan mana-mana rakan, apatah lagi jika ianya dengan musuh dan saingan politik yang menghasilkan kerugian sebelah pihak adalah tidak boleh diterima sama sekali dan mestilah dihentikan. Sudah pasti ianya tidak akan berlaku kepada mana-mana pihak yang bertahaluf kecuali disebabkan oleh pengkhianatan terhadap perjanjian oleh mana-mana pihak yang bertahaluf (Anon 2017). Sekiranya berlaku sedemikian tahaluf siyasi adalah terbatal secara langsung dan tidak lagi akan membawa kebaikan dan kemajuan yang dimatlamatkan.

Reformasi pendekatan politik pimpinan Abdul Hadi tercatat dengan beberapa siri kerjasama yang terhasil antara parti dan penamatannya. Contohnya pada 11 Mei 2017, Majlis Syura Ulama PAS telah memutuskan dan menamatkan Tahaluf Siyasi dengan Parti Keadilan Rakyat (PKR). Setiausaha Majlis Syura Ulama Pas, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata keputusan itu dibuat merujuk kepada banyaknya pelanggaran terhadap syarat-syarat tahaluf siyasi menurut pertimbangan hukum syarak dan akhlak Islam. Antara perlenggaran PKR ialah tindakan PKR tidak menyokong, malah menentang sebahagian daripada agenda Islam dibawa PAS seperti Rang Undang-undang (RUU) Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (RUU355). PKR juga melanggar adab bekerjasama dalam politik seperti menyerang pimpinan PAS dan membuat tuduhan-tuduhan palsu yang merosakkan imej parti berkenaan. Selain itu, PKR khianat dalam hubungan politik dengan PAS antaranya bekerjasama dengan pihak yang mahu menjatuhkan kerajaan Kelantan dan menentang dalam pilihan raya kecil Sungai Besar dan Kuala Kangsar ketika itu (Utusan Online 12 Mei 2017). PAS tidak lagi melihat sebarang kebaikan untuk mempertahankannya. Tujuan PAS berkerjasama dengan parti politik lain untuk memastikan perjuangan Islam tercapai bukan semata-mata berpolitik tetapi berasaskan prinsip politik Islam berteraskan al-Qur'an. PAS pernah bertahaluf siyasi dengan DAP dan PKR (akhir 1990-an sehingga awal 2000-an) sehingga membentuk Barisan Alternatif, kemudian dengan Pakatan Rakyat (bermula 2008 sehingga 2015). Menjelang PRU14, PAS bertahaluf siyasi bersama IKATAN dan BERJASA dan terkini PAS bertaawun dengan UMNO (Mukhtar 2019)

## KESIMPULAN

Umat Islam sedang berdepan dengan suasana yang menyentuh soal ‘survival of the ummah’ yang melanda dalam segenap bidang sama ada dari segi ekonomi, sosial, politik, pendidikan dan keselamatan. Arus globalisasi yang terus melanda menimbulkan persoalan sama ada umat Islam mampu menguasai pelbagai bidang khususnya ekonomi atau setidak-tidaknya bersaing di pentas dunia. Oleh itu, peranan pemimpin yang mempunyai kuasa terhadap rakyat adalah perlu membantu mereka untuk terus hidup dalam keadaan yang harmoni.

Dari sudut pembawaan budaya politik baharu, PAS juga terus mara ke hadapan. Dengan BPMS, PAS mampu menarik sokongan golongan masyarakat yang sebelum ini tidak pernah terlibat dengan politik (Apolitical Stratum). PAS membawa idea budaya politik dengan mengetengahkan konsep bertahaluf siyasi dan bertacawun dalam berpolitik demi menjamin kesejahteraan ummah.

Usaha yang telah dilakukan oleh Abdul Hadi harus diberikan pujian. Keringat yang telah beliau kerahkan terhadap negara dan ummah telah banyak memberi impak yang positif terhadap umat Islam. Walaupun terdapat juga beberapa ideologi beliau yang tidak diterima oleh sesetengah pihak, tetapi di salah satu sudut yang lain menggambarkan bahawa jasa beliau dalam mempertahankan Islam itu adalah satu usaha yang harus dibanggakan. Dengan ilmu yang beliau miliki dan juga pengaruh serta penerimaan terhadap peribadi beliau dalam kalangan ulama-ulama yang muctabar di seluruh dunia dapat dijadikan bukti bahawa Abdul Hadi adalah seorang insan yang layak dikagumi.

Natijahnya, dapat dilihat Abdul Hadi merupakan seorang yang kreatif dalam merancang corak pemerintahan Islam secara teratur dan sistematik. Abdul Hadi sebagai presiden PAS sekarang telah meningkatkan dan memperkasakan lagi keserlahan peranan PAS dalam membawa pelbagai gagasan sebagai penyelesaian kepada kemelut sosial, ekonomi dan politik rakyat di negara ini serta semuanya berasaskan ajaran al-Quran dan al-Sunnah demi kepentingan umat Islam.

Note: Kertas kerja ini berdasarkan hasil kajian projek penyelidikan PP-2019-010 bertajuk Pendekatan Fiqh Siyasah Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam Bidang Sosio Politik, Dakwah dan Politik Antarabangsa diketuai oleh Prof Madya Dr.Latifah Abd Majid.

## RUJUKAN

- Abdallah Schleifer.2017. *The Royal Islamic Strategic Studies Centre, The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslims*, Jordan.
- Abdul Hadi Awang. 2004. Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-50, “*Memartabatkan Kedaulatan Rakyat*” <http://muktamar.pas.org.my/> [3 Januari 2020]
- Abdul Hadi Awang. 2006. Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-52, “*Pulihkan Demokrasi, Daulatkan Islam*”. <http://muktamar.pas.org.my/> [3 Januari 2020 ].
- Abdul Hadi Awang. 2015. Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-61, “*Beristiqamah hingga Kemenangan* ”. <http://muktamar.pas.org.my/> [3 Januari 2020].
- Abdul Hadi Awang. 2016. *Budaya Politik Matang dan Sejahtera*. <https://pas.org.my/bpms>. [15 Mei 2018].
- Abdul Hadi Awang.2018. Ucapan Dasar Presiden PAS dalam muktamar Tahunan PAS ke-64, “*Islam Memimpin* ”. <http://muktamar.pas.org.my/>. [3 Januari 2020].
- Abdul Hadi Awang.2018a. *Kenyataan Media Presiden PAS: Perkembangan Politik Semasa Di Negeri Perak*. <https://berita.pas.org.my>. [25 Oktober 2019].
- Abdul Hadi Awang. 2018b. *Konsep Tacawun Siyasi*. <https://berita.pas.org.my/>. [22 Julai 2019].
- Abdul Hadi Awang. 2019. Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-65, 2019, “*Islam Memimpin Perpaduan* ”. <http://muktamar.pas.org.my/> [3 Januari 2020].
- Ahmad Fadhl bin Shaari. 2008. *Hukum Tahaluf Siyasi Dalam Konteks Gerakan Islam Masakini*. <http://kias.edu.my/tahalufsiasi08.htm>. [16 November 2019].
- Anon. 2016. *Tahaluf Siyasi : Bukan Ambil Kesempatan*. <http://www.tarbawi.my/>. [16 november 2019].

- Anon. 2017. *Tahaluf Siyasi: Keterbukaan Islam*. <https://harakahdaily.net/>. [16 November 2019]
- Anon. 2012. *Tazkirah Pilihanraya. Islam : Tuntutan & Kewajipan*. Dewan Ulama' Negeri Terengganu.
- 'Awatif 'Iffah Ismail.2018. *Pemikiran Fiqh Siyasi Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang*. Latihan Ilmiah Fakulti Pengajian Islam. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Badlihisham Mohd Nasir. 2009. *Dinamisme Gerakan Islam dan Cabaran Semasa*. Selangor: Karisma Publication Sdn Bhd.
- Hazmi Dibok. 2019. *Strategi Rasulullah SAW dalam Membina Kekuatan Asas di Madinah Wala'* dan Taat Penapis Berjemaah. [www.tarbawi.my](http://www.tarbawi.my)
- Nik Mohamad Abdur Nik Abdul Aziz. 2011. *Tahaluf Siyasi : Keterbukaan Islam*. <http://www.harakahdaily.net> [22 Julai 2019].
- Marziana Othman@Osman. 2018. *Sumbangan Pemikiran Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang Terhadap Pembangunan Politik Kontemporari di Malaysia*. Latihan Ilmiah Fakulti Pengajian Islam. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Ali Alimin. 2017. *Parti Islam Semalaysia (PAS) di Selangor 1990-2010*. Tesis Sarjana Fakulti Sains Kemanusian. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Izani Mohd Zain.2017. *Parti Islam Semalaysia (PAS) dalam Kerjasama Politik di Malaysia 1999-2015*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhamad Nadzri, Mohamed Noor Nidzam Sulaiman. 2018. *Mitos dan Realiti Dalam Situasi Hubungan Sosial di Awal Era Transisi Malaysia Baharu: Satu Perbahasan*. International Colloquium on Inteqaration Platform (ICIP). Pages 101-114.
- Mukhtar Hj Suhaili. 2019. *Tahaluf & Tacawun : Agenda Memenangkan Islam Kerangka Besar Tawaran PAS*. Wala' dan Taat Penapis Berjemaah. [www.tarbawi.my](http://www.tarbawi.my)
- Noor Haziqah Abd Rahman. 2018. *Faktor yang Mempengaruhi Fiqh Siyasi Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang*. Latihan Ilmiah Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Qardawi. 1997. *Min Fiqh al-Dawlah fi al-Islami*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Riduan Mohamad Nor. 2009. *Abdul Hadi Awang Murabbi, Ideologi dan Pemimpin*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Shakira Buang. 2016. *PAS cadang 'kerajaan perpaduan' di Perak*. <https://www.malaysiakini.com>. [25 Oktober 2019]
- Suhana Saad, Ali Salman, Novel Lyndon, Selvadurai S, Zaimah R, Azima AM, Mohd Yusof Hussain. 2012. *Krisis politik Melayu dan pembinaan negara bangsa*. Malaysia Journal of Society and Space 8 issue 9. Pages 39 – 45.